

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN**
[TANJONG MANIS]
TARIKH : **19.6.2014**
SOALAN :

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah projek 1BestariNet (Internet berkelajuan tinggi 4G) yang dilancarkan oleh Kementerian mendapat sambutan baik dari sekolah, guru dan pelajar serta berapa peratus tahap penggunaan 1BestariNet oleh seluruh pelajar di Malaysia setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan 1BestariNet merangkumi capaian internet, keselamatan rangkaian serta Persekitaran Pembelajaran Maya. Sehingga kini, sebanyak 20.3 peratus daripada murid-murid sekolah, 78 peratus guru-guru dan hanya 1.3 peratus ibu bapa telah menggunakan persekitaran pembelajaran maya. Dari segi penggunaan capaian internet dalam kalangan sekolah-sekolah yang dirangkaikan dengan teknologi 4G, purata penggunaan ialah 55GB sebulan.